

## Pindaan Jadual Pertama

126. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan berikut:

### “Bangunan baru

1. Fi bagi menimbangkan pelan-pelan yang dikemukakan untuk diluluskan berkenaan dengan bangunan baru hendaklah dikira seperti berikut:

Tingkat Bawah ... RM14.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM140.00.

Tingkat Pertama ... RM12.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM120.00.

Tingkat Kedua ... RM10.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM100.00.

Tingkat Ketiga ... RM8.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagian tertakluk kepada minimum sebanyak RM80.00.

Tingkat Keempat ... RM6.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM60.00.  
dan tingkat  
atasnya atau  
tingkat bawah  
tanah (selain  
daripada tingkat  
bawah tanah  
terbuka)

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “paragraf” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “perenggan”;

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “subparagraf” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “subperenggan”;

(d) dengan menggantikan subperenggan 6(4) dengan subperenggan berikut:

“(4) Jika perubahan-perubahan kepada sesuatu bangunan yang sedia ada melibatkan suatu perubahan kepada garisan hadapan atau pelan tegak kepada sesuatu jalan (di mana pelan tegak itu bersempadanan dengan suatu jalan) fi yang berikut hendaklah dibayar apabila mengemukakan pelan-pelan bagi perubahan itu sebagai tambahan kepada fi yang kena dibayar di bawah subperenggan (1), (2) dan (3) perenggan ini:

(a) perubahan kepada ... RM36.00 bagi satu tingkat  
garisan hadapan

(b) perubahan-perubahan ... RM36.00 bagi satu tingkat  
kepada pelan tegak  
jalan

(e) dalam subperenggan 6(5), dengan menggantikan perkataan “RM25.00” dengan perkataan “RM50.00;

(f) dalam perenggan 7, dengan menggantikan perkataan “RM25.00” dengan perkataan “RM50.00;

(g) dalam perenggan 8, dengan menggantikan perkataan “RM3.00” dengan perkataan “RM6.00;

(h) dalam perenggan 10, dengan menggantikan perkataan “RM60.00” dengan perkataan “RM120.00;

(i) dalam perenggan II, dengan menggantikan subperenggan (3) dan (4) dengan subperenggan-subperenggan yang berikut:

“(3) Fi yang kena dibayar adalah seperti berikut:

(i) bagi memeriksa pelan yang ... RM100.00  
diluluskan bagi satu set pelan

(ii) bagi menyalin pelan yang ... RM200.00 bagi  
diluluskan satu set pelan”;

“(4) Fi bagi suatu pengendorsan oleh pihak berkuasa tempatan untuk memperakui mana-mana salinan sebagai suatu salinan benar suatu pelan yang diluluskan RM100.00 bagi satu salinan.”.

(j) dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

**“12. Permit bagi kerja-kerja kecil sebagai ganti pelan**

Fi bagi permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 18 adalah kena dibayar seperti berikut:

Bagi pembinaan, perubahan ... RM100.00 bagi satu permit dan tambahan kecil di bawah perenggan (1) dan bagi pembinaan sesuatu pagar di bawah perenggan (2)

(k) dengan menggantikan perenggan 13 dengan perenggan yang berikut:

**“13. Permit sementara**

Fi yang berikut adalah kena dibayar bagi permit sementara yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 19:

- (a) bangsal untuk pertunjukan ... RM100.00 sehari
- (b) tempat sembahyang ... RM40.00 sehari
- (c) mendepositkan bahan-bahan Bangunan atas jalan dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan ... RM36.00 bagi satu meter persegi bagi sebulan atau sebahagiannya
- (d) bangsal kerja bagi Pembina, stor atau bangsal lain berhubungan dengan bangunan baru ... RM200.00 bagi satu bangsal bagi 6 bulan atau sebahagiannya
- (e) perancah yang didirikan atas jalan ... RM10.00 bagi satu tiang perancah bagi sebulan atau sebahagiannya
- (f) pelantar kerja, kerja berangka, platform atau struktur sementara daripada apa-apa jenis yang didirikan atas bumbung bersempadan suatu jalan ... RM100.00 sebulan atau sebahagiannya

(g) papan dendeng atas jalan atau lorong jalan kaki berhubungan dengan kerja-kerja bangunan	...	RM6.00 bagi satu meter panjang jalan atau lorong jalan kaki bagi sebulan atau sebahagiannya
(h) mana-mana bangunan yang baginya suatu permit sementara telah dikeluarkan di bawah perenggan (2)	...	RM10.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM100.00 bagi satu permit yang boleh diperbaharui pada 1 Januari setiap tahun

(l) perenggan 14 dipotong; dan

(m) dalam perenggan 16, dengan menggantikan perkataan "RM50.00" dengan perkataan "RM100.00".